

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Thursday, May 12, 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME,**  
**FIRST QUARTER 2022**

---

***Revenue for Services sector in first quarter 2022 soared 10.4 per cent  
exceeded pre-pandemic level to record RM473.0 billion***

**PUTRAJAYA, MAY 12, 2022** – Revenue for Services sector recorded RM473.0 billion in first quarter 2022 with double digit growth 10.4 per cent, as reported by the Department of Statistics, Malaysia (DOSM). The **Quarterly Services Statistics, First Quarter 2022** which was officially released today, presents statistics on the Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate Agents; and Income of e-commerce.

Referring to the statistics, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, “Services sector performance in the first quarter of 2022 was driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which increased 9.2 per cent to RM378.7 billion. These were followed by Information & Communication and Transportation & Storage, and Private Health, Private Education, and Arts, Entertainment & Recreation segments, which went up 16.1 per cent and 17.3 per cent to RM69.5 billion and RM15.2 billion, respectively.

Meanwhile, for e-commerce income, the Chief Statistician commented, “its recorded RM278.2 billion, an increase of 9.3 per cent year-on-year in the first quarter of 2022. However, for quarter-on-quarter comparison, income of e-commerce decreased 4.2 per cent.”

*Analysis by sub-sector showed that the Wholesale & Retail Trade sub-sector recorded the highest increment with RM28.5 billion, or 8.6 per cent year-on-year. These were followed by the Transportation & Storage, and Food & Beverages sub-sectors which increased 32.2 per cent, and 19.9 per cent, respectively to record RM29.3 billion, and RM15.5 billion in first quarter 2022.*


*Chief Statistician also said, "For quarter-on-quarter comparison, total revenue in the first quarter of 2022 increased 2.8 per cent or RM12.9 billion. The growth was also propelled by Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors, which grew 1.9 per cent, and 8.9 per cent, respectively.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "The number of persons engaged in this sector was 3.8 million persons, grew by 99.5 thousand persons, or 2.7 per cent year-on-year. The rise was attributed by Wholesale & Retail Trade sub-sector with an increase of 72.6 thousand persons, or 3.9 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sectors, which rose by 22.9 thousand persons or 7.2 per cent. For quarter-on-quarter, the number of persons engaged also increased 1.0 per cent, which amounted to 36.6 thousand persons.*


*Salaries and wages paid also registered an increase of RM1.2 billion, or 5.0 per cent year-on-year. The increase was attributed by the Wholesale & Retail Trade sub-sector, which rose 6.0 per cent to record RM13.5 billion and was accompanied by the Transportation & Storage sub-sector, which increased 10.3 per cent to record RM2.7 billion. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 1.8 per cent to register RM25.4 billion in the first quarter of 2022."*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*


**Chart 1: Performance of Services Sector, Q1 2019 – Q1 2022 (RM Billion)**




**Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment, Q1 2019 – Q1 2022 (RM Billion)**




**Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment, Q1 2019 – Q1 2022 (RM Billion)**




**Chart 4: Performance of Private Health, Private Education and Arts, Entertainment & Recreation Segment, Q1 2019 – Q1 2022 (RM Billion)**



**Chart 5: Performance of Professional and Real Estate Agent Segment, Q1 2019 – Q1 2022 (RM Billion)**



**Chart 8: E-commerce income, Q1 2020 – Q1 2022 (RM Billion)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**MAY 12, 2022**

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Khamis 12 Mei 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN PERTAMA 2022

**Hasil sektor Perkhidmatan suku pertama 2022 melonjak ke 10.4 peratus  
melepas paras pra-pandemik dengan merekodkan nilai hasil sebanyak**

**RM473.0 bilion**

**PUTRAJAYA, 12 Mei 2022** – Hasil sektor Perkhidmatan merekodkan RM473.0 bilion pada suku tahun pertama 2022 dengan pertumbuhan dua digit 10.4 peratus, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Pertama 2022** yang diterbitkan secara rasmi pada hari ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Ejen Hartanah dan Pendapatan e-dagang.

Merujuk kepada statistik tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Prestasi sektor Perkhidmatan pada suku pertama 2022 ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 9.2 peratus kepada RM378.7 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi masing-masing meningkat 16.1 peratus dan 17.3 peratus kepada RM69.5 bilion dan RM15.2 bilion.

Sementara itu, bagi pendapatan e-dagang, Ketua Perangkawan mengulas, “ia merekodkan RM278.2 bilion, peningkatan 9.3 peratus tahun-ke-tahun pada suku

tahun pertama 2022. Walau bagaimanapun, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, pendapatan e-dagang menurun 4.2 peratus.”

Analisis mengikut subsektor juga menunjukkan subsektor Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan peningkatan tertinggi RM28.5 bilion atau 8.6 peratus tahun-ke-tahun. Ini diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, dan Makanan & Minuman, masing-masing meningkat 32.2 peratus dan 19.9 peratus kepada RM29.3 bilion dan RM15.5 bilion pada suku pertama 2022.

Ketua Perangkawan turut berkata, “Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil pada suku pertama 2022 merekodkan kenaikan 2.8 peratus atau RM12.9 bilion. Peningkatan ini turut didorong oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan, masing-masing meningkat 1.9 peratus dan 8.9 peratus.”


Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.8 juta orang, meningkat sebanyak 99.5 ribu orang atau 2.7 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 72.6 ribu orang atau 3.9 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat sebanyak 22.9 ribu orang atau 7.2 peratus. Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja juga menaik 1.0 peratus, meningkat 36.6 ribu orang.

Gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.2 bilion atau 5.0 peratus tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang menaik 6.0 peratus kepada RM13.5 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat 10.3 peratus kepada RM2.7 bilion. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah menaik 1.8 peratus untuk mencatatkan RM25.4 bilion pada suku tahun pertama 2022.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April hingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai

kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


**Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan, ST1 2019 – ST1 2022 (RM Bilion)**




**Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, ST1 2019 – ST1 2022 (RM Bilion)**




**Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, ST1 2019 – ST1 2022 (RM Bilion)**




**Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi, ST1 2019 – ST1 2022 (RM Bilion)**



**Carta 5: Prestasi Segmen Profesional dan Ejen Hartanah, ST1 2019 – ST1 2022 (RM Bilion)**



**Carta 8: Pendapatan E-commerce, ST1 2020 – ST1 2022 (RM Bilion)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**12 MEI 2022**